

Elaun guru kini pada peringkat akhir: Najib

Insentif tarik minat pendidik bertugas di kawasan pedalaman

Oleh Hamdan Saaid

SUBANG: Kerajaan kini pada peringkat pertimbangan terakhir sebelum meluluskan cadangan pemberian elaun insentif tambahan antara RM500 dan RM1,500 kepada guru yang bertugas di kawasan pedalaman, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar, sekaligus memperkasa sekolah kebangsaan seluruh negara.

"Perkara ini masih pada peringkat pertimbangan terakhir kerana selaras dengan hasrat kita untuk mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan di kawasan luar bandar.

"Penting sekolah di luar bandar ditempatkan dengan guru berwibawa dan berkebolehan setanding kawasan bandar. Dengan cara ini kita dapat mempertingkatkan lagi pen-

capaian akademik pelajar luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan golf Terbuka Malaysia di Kelab Golf dan Country Saujana, di sini, semalam.

Najib mengakui memang sukar untuk menempatkan guru di luar bandar kerana terlalu ramai yang cenderung untuk bertugas di bandar besar.

"Kita tunggu dulu apa keputusan muktamad kerajaan. Kita akan teliti syor Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perdana Menteri akan membuat pengumuman mengenainya.

"Saya tidak tahu bila kerana ia bergantung kepada cadangan yang dibentangkan tetapi saya percaya tidak lama lagi," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar kelmarin mengenai kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk menambah bayaran insentif sehingga

RM1,500 kepada guru yang bertugas di kawasan pedalaman bagi menarik lebih ramai mengajar di kawasan terbabit.

Kadar elaun khas yang kini pada peringkat akhir perincian JPA itu bagaimanapun akan bergantung kepada jarak serta kemudahan asas di sesuatu kawasan.

“Penting sekolah di luar bandar ditempatkan dengan guru berwibawa dan berkebolehan setanding kawasan bandar”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

Bagi kategori pedalaman I – mempunyai kemudahan asas tetapi tidak selesa – jumlah elaun dicadangkan ditambah sebanyak RM500; pedalaman II iaitu mungkin tiada kemudahan (RM1,000), manakala pedalaman III – memerlukan perjalanan tiga atau empat hari untuk sampai ke satu-satu tempat – sebanyak RM1,500.

Sebagai contoh, jika elaun semasa yang diterima ialah RM170, mereka yang berkhidmat di pedalaman III bakal menerima penambahan RM1,500 menjadikan jumlah keseluruhan RM1,670.

Ketika ini, dianggarkan kira-kira 14,000 guru sedang berkhidmat di kawasan pedalaman di seluruh negara.

Sementara itu, Najib ketika berucap pada majlis itu menggesa Persatuan Golf Malaysia (MGA) melahirkan lebih ramai pemain muda berbakat, memberikan mereka peluang dan pendedahan untuk bertanding pada peringkat tertinggi.